

UMS terus memotivasikan bakal mahasiswa mahasiswi luar bandar

NSP 8.4.2018 2

SIPITANG: Program Motivasi Get to Know Siri ke-2 yang diadakan atas inisiatif duta-duta Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah usaha berterusan dalam memberi motivasi kepada bakal mahasiswa dan mahasiswi akan datang.

Program yang berlangsung selama dua hari bermula Jumaat lalu itu diadakan di SMK Sindumin melibatkan penyertaan secara langsung dari 28 orang pelajar UMS yang mana empat daripadanya adalah duta UMS.

Pengarah program merangkap duta UMS, Arwina Jimeh, 22 berkata program motivasi yang dianjurkan itu adalah satu usaha utama yang difokuskan oleh duta UMS selalu penghubung universiti dengan komuniti setempat.

"Program ini diadakan bagi memberi inspirasi kepada bakal-bakal mahasiswa dan mahasiswi akan datang, iaitu adik-adik yang akan menduduki peperiksaan SPM tidak lama lagi.

"Sebelum ini siri pertama kami adakan pada Oktober tahun lalu yang mana kami melibatkan penyertaan khusus kepada adik-adik yang akan menduduki PT3," katanya.



KENANGAN Semua peserta bersama fasilitator berkumpul selepas tamat program kelmarin.

Dalam pada itu, Pengetua SMK Sindumin, Zulkefle Kassim berkata harapan beliau kepada para pelajar sangat tinggi dan beliau berharap supaya pengisian daripada mahasiswa dan mahasiswi yang diadakan itu mampu memberi suntikan semangat kepada pelajar di sekolah tersebut.

"Saya berharap para pelajar dapat memanfaatkan ilmu yang diperolehi dan mengaplikasikan segala input bagi tujuan pembelajaran dalam dan luar sesi persekolahan.

"Saya percaya program berimpak positif ini perlu lebih diperbanyakkan lagi khasnya bagi meningkatkan motivasi para pelajar luar bandar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan penutupan program tersebut di SMK Sindumin kelmarin.

Wakil pelajar Ariq Iran pelajar Tingkatan 5 berkongsi hasil pembelajaran yang diperolehi sepanjang dua hari mengikuti program motivasi itu.

"Saya sangat gembira dan berbesar hati kerana terpilih untuk menjadi peserta

program ini dan pastinya apa yang abang serta kakak dari UMS kongsi kepada kami semua adalah berguna dan menjadi pembakar semangat kepada kami untuk meraih kejayaan dalam peperiksaan SPM akan datang.

"Saya sendiri menyimpan azam untuk menjejakkan kaki ke menara gading satu hari nanti dan menjadi seperti abang serta kakak yang ada pada hari ini," katanya lagi.

Pengelola aktiviti program, Noor Amirah Ismail memberitahu New Sabah

Times bahawa program yang diadakan itu adalah usaha yang dijalankan dibawah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

"Program ini diadakan dengan kerjasama UMS dengan penduduk setempat bagi memberi pengisian kepada anak-anak mereka.

"Cetusan idea Duta UMS untuk mengadakan program ini adalah satu usaha untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang pilihan bidang di universiti, hala tuju persediaan sebelum memasuki gerbang universiti dan perkongsian teknik belajar berkesan.

"Antara aktiviti yang kami atur sepanjang dua hari program ini adalah latihan dalam kumpulan (LDK), ceramah, malam kebudayaan, senamrobik, zumba, pembentangan teknik belajar di UMS dan aktiviti membuat kad ucapan," katanya ketika dihubungi New Sabah Times kelmarin.

Jelas Amirah, program tersebut diadakan kali kedua memandangkan sambutan yang positif diterima daripada pihak sekolah dari sesi pertama tahun lalu. -OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE